

Bangun tenaga mahir tingkat kehidupan pesawah



Ketua Unit
Penyelidikan
Shariah dan
Undang-Undang
Perniagaan Islam
(SHU/RA), Universiti
Utara Malaysia
(UUM)

Oleh Dr Muhammad Hafiz Badarulzaman
bhrencana@bh.com.my

Bukan rahsia lagi sebahagian besar pesawah tergolong dalam kategori rakyat berpendapatan rendah atau B40. Pendapatan golongan itu bergantung sepenuhnya dengan kerja menanam padi.

Di kebanyakan tempat terutama di Kedah, padi pula ditanam selama dua musim dalam setahun berbanding di Sekinchan, Selangor, misalnya penanaman padi sudah mencapai lima kali dalam dua tahun.

Mengikut rekod Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 2022, terdapat pesawah menerima pendapatan RM1,200 sebulan, sekali gus menyebabkan mereka tergolong dalam kategori penerima zakat atau asnaf.

Tidak hairanlah, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) perlu menyediakan Bantuan Tunai Pesawah untuk pesawah berdaftar sebanyak RM200 sebulan diagihkan dalam tempoh tiga bulan atau semusim bagi merangsang keterjaminan makanan negara kita.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan bantuan baharu, iaitu Bantuan Khas Aidilfitri RM200

kepada pesawah dan buat kali pertama, golongan itu turut menerima sumbangan tambahan RM250 selama tiga bulan hasil agihan sumbangan syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) berjumlah RM60 juta.

Terbaharu, kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar Skim Subsidi Padi (SSHP) daripada RM360 satu tan kepada RM500 satu tan pada bulan ini yang dianggap bertepatan dengan musim menuai tidak lama lagi. Semua inisiatif ini bertujuan memastikan kemiskinan tegar dapat diatasi dan mengangkat asnaf di negara ini terutama di Kedah.

Justeru, perlu ada usaha melangkaui pemberian bantuan seperti ini untuk mengeluarkan pesawah daripada kategori B40 atau miskin hingga terpaksa menjadi asnaf, sebaliknya berupaya untuk mengeluarkan zakat pula.

Transformasi sektor pertanian

Antara tawaran inisiatif lain yang boleh membantu pesawah asnaf meningkatkan mutu kehidupan mereka adalah dengan membangunkan sumber tenaga mahir melalui institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam mengkaji pelbagai jenis varieti benih padi produktif serta tahan penyakit

dan makhluk perosak.

Ini seiring Dasar Agro Makanan Negara 2.0 bermatlamatkan meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara sebagai makanan ruji rakyat di negara ini.

Sudah sampai masanya penerapan kaedah bioteknologi terbaharu dalam tanaman padi dilakukan seperti diamalkan di Indonesia. Ini sejajar dengan Dasar Bioteknologi Negara 2022-2030 mengimpikan transformasi sektor pertanian kepada bioteknologi pertanian.

Pada masa sama, kerajaan perlu memperkasa Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994 (Pindaan 2022) dan Akta Perihal Dagangan 2011 dalam menguatkuasakan kesalahan terutama manipulasi harga beras oleh pengeluar mahupun pemborong merugikan pesawah asnaf.

Agensi Mengurus Zakat (AMZ) juga dapat membantu pesawah asnaf menerusi model agihan zakat baharu seperti diwujudkan LZNK berkaitan Smart Sawah Berskala Besar Asnaf yang dapat meningkatkan hasil pendapatan pesawah asnaf.

Apapun, usaha berterusan seperti Tabung Makanan diwujudkan AMZ di masjid dalam setiap kariah perlu diperkasakan dan ditingkatkan sekiranya terdapat pesawah asnaf yang masih memerlukan bantuan.